



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**15 MEI 2023 (ISNIN)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**15 MEI 2023 (ISNIN)**

## Banyak lagi inisiatif Payung Rahmah diperkenal

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memperkenalkan lebih banyak pakej di bawah inisiatif Payung Rahmah, susulan sokongan dan sambutan baik daripada pemain industri pelbagai sektor.

Antara pakej yang bakal diperkenalkan ialah Insurans Rahmah, yang dijangka dilancarkan pada hujung bulan ini.

Menyatakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata walaupun ramai pihak mempersoalkan kemampuan dan sama ada Payung Rahmah dapat diteruskan, inisiatif itu berjaya dilaksanakan, didukung oleh pemain industri yang mahu membantu.

Beliau menjelaskan, dengan

sokongan pemain industri, lebih 14,000 jenis barang dapat dibeli rakyat dengan diskon harga antara tiga peratus hingga lima peratus.

"Ini bermaksud, setiap isi rumah yang berbelanja di kedai yang menyertai program Jalan Rahmah, mampu berjimat antara RM20 dan RM25 untuk setiap pembelian."

"Ekonomi rakyat dapat dibantu dan diterjemah dalam tindakan yang paling realistik tanpa perlu menggunakan falsafah ekonomi yang tinggi."

"Saya tak menduga limpahan daripada program ini sudah menampakkan kesan yang saya anggap seperti cahaya di hujung terowong," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi Bicara Rakyat di Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan di Pusat

Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini, semalam.

Selain itu, Salahuddin berkata, ekonomi rakyat mempunyai masa depan yang besar,

khususnya dalam bidang francis,

yang mencelah lebih RM25 juta tahun lalu.

"Sistem proses digital juga dapat menggerakkan ekonomi rakyat. Bermaksud, masyarakat tanpa kerja atau pendapatan tetap masih mampu menjadi jutawan atau billionaire melalui sistem yang kita laksanakan," katanya.



Salahuddin Ayub berucap pada Bicara Rakyat sempena Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan 2023 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

## Rahmah initiative 'light at the end of the tunnel'

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will roll out more schemes under the Payung Rahmah initiative following positive response from industry players in various sectors.

Its minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub, said he was pleasantly surprised by the spillover impact of the initiative, describing it as "a light at the end of the tunnel".

"The people's economy can be boosted via realistic actions," he said at the Bicara Rakyat session at the Unity Government National Convention at the Kuala Lumpur World Trade Centre here yesterday.

One of the schemes under the initiative is the Rahmah Insurance package, which is expected to be launched at the end of this month.

He said the Rahmah Initiative's success was backed by industry players who wished to lend a hand, despite the fact that many people disagreed with it and questioned its sustainability.

He said with such support, there were more than 14,000 types of goods that people could



*Domestic Trade and Cost of Living Ministry Datuk Seri Salahuddin Ayub speaking at the Unity Government National Convention yesterday. BERNAMA PIC*

buy at discounted prices of between three and five per cent.

"This means that when one spends at stores participating in the Rahmah Sales Package programme, one can save between RM20 and RM25 on each purchase."

Salahuddin said the people's economy had a bright future, es-

pecially in the franchise industry, which, in 2022, generated more than RM25 million.

"The digital process system can also be a catalyst for the people's economy, meaning those without a job or regular income can still become millionaires or billionaires via the system that we have implemented."



---

---

## **KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)**

---

---

**15 MEI 2023 (ISNIN)**

**MyCC tentukan nasib 5 syarikat pengeluar makanan ayam »3**

# MyCC putus nasib 5 syarikat pengeluar makanan ayam

Oleh FAHMI FAIZ  
fahmi.faiz@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kertas siasatan terhadap lima syarikat pengeluar makanan ayam yang terlibat dalam kegiatan kartel kerana melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian anti persaingan tidak dibentang kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Sebaliknya, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail memberitahu *Utusan Malaysia*, MyCC yang akan menyiasat dan membuat keputusan sama ada syarikat terbabit bersalah atau sebaliknya.

Katanya, MyCC merupakan badan separa kehakiman dan sebarang siasatan termasuk berhubung lima syarikat terbabit tidak akan melibatkan AGC.

“Kami akan mendengar representasi lisan daripada lima pihak (syarikat makanan ayam) antara hujung Mei hingga Julai. AGC tidak akan terlibat langsung dalam sebarang proses kes MyCC,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas perkembangan siasatan, Iskandar berkata, semua syarikat terbabit telah menghantar representasi bertulis kepada MyCC.

“Semua sudah hantar. Se-



MYCC akan memulakan siasatan berkaitan makanan ternakan sebelum menyentuh sektor lain yang berkaitan dengan ekosistem pengeluaran ayam di negara ini.

lepas itu, kita akan mendengar secara lisan representasi mereka berasaskan kepada representasi bertulis itu,” katanya.

Pada Ogos 2022, Iskandar berkata, MyCC telah mengeluarkan keputusan terhadap lima perusahaan pengisar makanan yang didapati melanggar Akta Persaingan 2010, hasil dapatkan awal siasatan itu kenaikan harga ayam.

Menurutnya, MyCC pada awalnya mendapat perusahaan terbabit telah menaikkan kuantum harga makanan ayam

sepanjang tempoh 2020 sehingga pertengahan 2022.

Sementara itu, satu sumber kementerian yang dihubungi akhbar ini mendakwa, kerajaan sedang mempertimbangkan siasatan terhadap kartel-kartel lain dalam sektor pengeluaran ayam termasuk syarikat yang mengawal bekalan dan pasaran anak dan induk ayam.

Sumber berkata, bertitik tolak siasatan MyCC ke atas kartel makanan ayam akan mendorong lebih banyak siasatan terhadap ekosistem itu.

“Ini (kartel) adalah kes yang memerlukan cukup banyak pertimbangan. Malah, skop siasatan MyCC buat masa ini hanya menyentuh makanan dedak bagi ternakan ayam saja, belum sentuh lagi sektor lain dalam ekosistem pengeluaran ayam.

“Itu semua akan disiasat, tapi MYCC mulakan dengan siasatan makanan ayam,” ujarnya.

*Utusan Malaysia* telah mengajukan persoalan siasatan MyCC ke atas kartel lain dalam sektor ternakan ayam dan seiring menunggu maklum balas.



---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**15 MEI 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-May	KPDN conducts audit to ensure Rahmah Baskets reach target groups	<a href="https://selangorjournal.my/2023/05/kpdn-conducts-audit-to-ensure-rahmah-baskets-reach-target-">https://selangorjournal.my/2023/05/kpdn-conducts-audit-to-ensure-rahmah-baskets-reach-target-</a>	SELANGORJOURNAL
15-May	Pengagihan Bakul Rahmah fasa pertama selesai bulan depan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-lakukan-audit-pastikan-bakul-rahmah-sampai-ke-sasaran-419421%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-lakukan-audit-pastikan-bakul-rahmah-sampai-ke-sasaran-419421%3famp=1</a>	ASTROAWANI
15-May	Pengagihan Bakul Rahmah fasa pertama selesai bulan depan	<a href="https://fb.watch/kwj1i69xte/">https://fb.watch/kwj1i69xte/</a>	ASTROAWANI
15-May	KONVENSYEN NASIONAL: Pakej insurans Rahmah bakal diperkenalkan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pakej-insurans-rahmah-bakal-diperkenalkan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pakej-insurans-rahmah-bakal-diperkenalkan/</a>	UM
15-May	More Rahmah packages to be introduced	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/909315/more-rahmah-packages-be-introduced">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/909315/more-rahmah-packages-be-introduced</a>	NST
15-May	Insurans Rahmah dilancar hujung bulan ini - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/258466">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/258466</a>	SH
15-May	Rahmah for a rainy day: Insurance scheme to be launched by end of May, says Salahuddin	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/14/rahmah-for-a-rainy-day-insurance-scheme-to-be-launched-by-end-of-may-says-salahuddin">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/14/rahmah-for-a-rainy-day-insurance-scheme-to-be-launched-by-end-of-may-says-salahuddin</a>	THESTAR
15-May	Insurans Rahmah bakal diperkenalkan hujung bulan ini	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/14/insurans-rahmah-bakal-diperkenalkan-hujung-bulan-ini/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/14/insurans-rahmah-bakal-diperkenalkan-hujung-bulan-ini/</a>	KOSMO
15-May	Pakej insurans Rahmah bakal diperkenalkan	<a href="https://wartaoriental.com/2023/05/15/pakej-insurans-rahmah-bakal-diperkenalkan/">https://wartaoriental.com/2023/05/15/pakej-insurans-rahmah-bakal-diperkenalkan/</a>	WARTAORIENTAL
15-May	Insurans Rahmah bakal dilancar hujung bulan ini - Salahudin	<a href="https://youtu.be/XDCnDOnlVJE">https://youtu.be/XDCnDOnlVJE</a>	KiniTV
15-May	Marrybrown kini di Melbourne	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2023/05/966962/marrybrown-kini-di-melbourne">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2023/05/966962/marrybrown-kini-di-melbourne</a>	HM